



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 2/2019

ISU PENGHINAAN KE ATAS NABI MUHAMMAD S.A.W.

1. Terkini umat Islam di negara ini telah digemparkan dengan penghinaan ke atas Nabi Muhammad S.A.W. melalui akaun *facebook* bernama Foo Sing Wai. Individu tersebut telah memuatnaik gambar yang memaparkan seorang lelaki berjanggut sambil memegang tangan seorang budak perempuan. Kedua-duanya dalam keadaan telanjang. Lelaki tersebut ditulis sebagai 'Muhammad 54 years old' manakala budak perempuan tersebut ditulis sebagai 'Aisha 6 years old'
2. Pada gambar tersebut ditulis kenyataan '*Muslims believe that this is the most beautiful love story of all time*', yang bermaksud; 'orang Islam percaya bahawa ini adalah kisah cinta terbaik sepanjang zaman.'
3. Berdasarkan pemahaman dan penelitian saya, gambar ini cuba memaksudkan secara sengaja penghinaan ke atas Nabi Muhammad S.A.W. yang merupakan junjungan mulia dan agung kepada umat Islam seluruh dunia.
4. Penghinaan tersebut telah menimbulkan kemarahan seluruh umat Islam yang merupakan majoriti rakyat negara ini dan menyemarakkan api permusuhan di antara umat Islam dan bukan Islam.
5. Perbuatan penghinaan tersebut jelas bercanggah dengan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ketika bertitah merasmikan istiadat pembukaan Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 tahun 2018: "***perkara-perkara asas yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan menyentuh Raja-Raja Melayu, agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain menurut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan sama sekali tidak boleh disensasikan oleh mana-mana pihak.***"
6. Oleh yang demikian, saya mendesak pihak berkuasa agar segera **mengambil tindakan tegas menurut peruntukan undang-undang ke atas pemilik akaun *facebook* tersebut** kerana provokasi melampau yang telah menyentuh sensitiviti umat Islam. Ia sebagai pengajaran kepada seluruh rakyat di negara ini yang cintakan keamanan dan perpaduan di antara kaum dan bangsa.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

14 Jamadil Akhir 1440 H (Selasa)
19 Februari 2019 M